

Budaya Seni Persembahan Masyarakat Melayu Sarawak sebelum Abad

Keduapuluh

Dr. Nur Afifah vanitha binti Abdullah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Abstrak

Setakat ini belum terdapat penulisan tentang sejarah seni persembahan masyarakat Melayu Sarawak sebelum abad keduapuluh dari perspektif teater. Penulisan ini akan membincangkan persembahan penglipurlara dan *begendang* yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sebelum abad keduapuluh. Selain mengemukakan penglipurlara sebagai salah satu seni persembahan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, tulisan ini akan mengemukakan fungsi dan proses seni persembahan penglipurlara dan *begendang*.

Pengenalan

Secara umum rekod atau penulisan khususnya tentang seni persembahan di kalangan masyarakat Melayu Sarawak sebelum abad keduapuluh amat kurang sekali. Dokumentasi yang terhad ini, hanya wujud dalam bentuk huraian ringkas dalam catatan peribadi atau biografi pegawai-pegawai British dan juga Rane-Ranee keluarga Brooke. Kesimpulan tentang seni persembahan masyarakat Melayu Sarawak yang dapat digarap daripada dokumentasi yang terhad adalah, terdapat dua bentuk seni persembahan di kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Bentuk yang pertama adalah kesenian penglipurlara manakala yang kedua pula adalah *begendang*.